

Siaran Akhbar

Putrajaya, 21 September, 2020

Nestlé akan Tanam 3 Juta Pokok di Malaysia menjelang 2023

Perkukuh Ikrar Global untuk Tangani Perubahan Iklim

PUTRAJAYA, 21 September 2020 – Nestlé hari ini mengumumkan komitmennya untuk menanam tiga juta pokok dalam tiga tahun menerusi Projek RELeaf, sebuah inisiatif penghutanan semula di Malaysia yang menyumbang kepada janji global syarikat untuk mencapai Pelepasan Gas Rumah Sifar Bersih menjelang tahun 2050.

Projek RELeaf adalah berlandaskan kejayaan projek rintis Projek Rileaf Kinabatangan, yang dimulakan oleh Nestlé pada 2011, sebagai usaha membantu menanam satu juta pokok di negeri Sabah. Dengan meluaskan capaiannya di Sabah dan meluaskan jangkauan buat pertama kali ke Semenanjung Malaysia, Projek RELeaf bertujuan meningkatkan usaha Nestlé untuk memulihkan kawasan tebingan sungai dan ekosistem hutan, yang akan menyumbang kepada usaha mewujudkan koridor hidupan liar bagi mengurangkan konflik manusia-hidupan liar, di samping mengurangkan kesan negatif ke atas bekalan air yang kritikal. Projek ini juga akan membantu meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tempatan tentang isu-isu alam sekitar, dan akan memberikan sumber pendapatan tambahan untuk membantu menambah mata pencarian penduduk sekitar.

Chris Johnson, Ketua Pegawai Eksekutif, Zon Asia, Oceania dan Subsaharan Afrika Nestlé, berkata, "Kami menyedari keperluan mendesak untuk menangani perubahan iklim, yang telah menjadi ancaman kepada kelestarian perniagaan kami dan juga masa depan bumi kita. Projek RELeaf akan membolehkan kami mempercepatkan usaha kami mencapai cita-cita pelepasan gas bersih-sifar dengan meningkatkan penyelesaian berpacuan alam semula jadi untuk menangani isu iklim global. Projek RELeaf bukan sahaja akan meningkatkan biodiversiti, tetapi juga akan membantu menyerap emisi karbon. Menanam pokok di lokasi-lokasi yang berkaitan dengan sumber bahan-bahan kami menyumbang kepada pengurusan rantai bekalan kami secara bertanggungjawab. Di samping itu, penghutanan semula menyokong usaha untuk menghentikan penghapusan hutan dalam rangkaian bekalan kami."

Nestlé Malaysia akan menanam tiga juta pokok di seluruh Kinabatangan Wetlands dan kawasan Pemulihan Hutan Merisuli di Sabah, dan juga hutan simpan di sepanjang Lingkaran Hutan Tengah (Central Forest Spine) di Semenanjung Malaysia. Hutan simpan ini menyediakan kawasan perlindungan bagi pelbagai flora dan fauna, termasuk hidupan liar yang diancam kepupusan seperti orang utan, monyet proboscis, Gajah Asia, Harimau Malaya, beruang matahari dan tapir.

Nestlé akan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Pusat Pemuliharaan dan Penyelidikan Hutan Hujan Tropika (TRCRC), Projek Pemuliharaan Orang Utan Kinabatangan (HUTAN), penanam pokok kelapa sawit, dan juga masyarakat dan usahawan tempatan untuk penyediaan anak benih pokok dan proses penanaman pokok.

Pelancaran Projek RELeaf telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Hj Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, dan Encik Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad. Majlis pelancaran tersebut telah diadakan di Taman Rimba Alam, Presint 15, Putrajaya.

YB Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Hj Nasarah berkata, "Malaysia bertuah kerana dikurniakan sumber asli yang kaya. Kami komited untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan tanah negara dengan liputan hutan dan pokok seiring dengan janji kami di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992. Namun, apabila negara kita membangun, kita mesti mengimbangkan pembangunan kita dengan pemuliharaan alam sekitar. Oleh yang demikian, kami benar-benar menghargai komitmen dan usaha Nestlé untuk melindungi biodiversiti negara kita yang tercinta. Kami berharap untuk melihat lebih banyak kerjasama sektor awam dan swasta, bagi meneruskan usaha melindungi ekosistem kita yang sangat berharga untuk generasi yang akan datang."

Encik Juan Aranols menambah, "Ikran Nestlé untuk mencapai Pelepasan Gas Rumah Sifar Bersih menjelang 2050 adalah berlandaskan wawasan kami untuk menyumbang kepada masa depan yang lebih hijau. Projek RELeaf di Malaysia merupakan satu langkah nyata yang akan membantu kami mencapai cita-cita kami. Dengan memulihkan ekosistem hutan yang penting, kita akan dapat menyumbang kepada kesuburan ekosistem dan perlindungan biodiversiti. Ini penting untuk memastikan kelestarian rantai bekalan sambil melindungi alam sekitar, kerana kedua-dua elemen saling berkaitan dalam alam semula jadi. Ini akan membolehkan kami terus memberi kesan positif ke atas bumi dan juga manusia, kerana kami akan terus memperkasakan masyarakat tempatan dan menyokong mata pencarian mereka menerusi pembelian anak benih pokok dan aktiviti penanaman pokok."

Projek RELeaf ialah lanjutan evolusi Projek Rileaf Kinabatangan yang dilaksanakan secara kerjasama dengan Yayasan Sime Darby dan Jabatan Perhutanan Sabah. Setakat bulan September 2020, satu juta pokok telah ditanam di kawasan hutan ternyahgred seluas lebih 2,700 ha.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 6650
+6012-353 1337
E-mel: Maxine.Lim@my.Nestlé.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
+6010 -221 8216 (Alya) atau
+6017 237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my